



UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM  
43000 KAJANG  
SELANGOR



Tel : 603-89112423  
Faks : 603-89262150  
Web : <http://www.adk.gov.my>

Ruj. Kami: AADK 100-2/2/2 (70)  
Tarikh: 6 JUN 2016

**Ketua Pengarang  
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS AWAM MENGENAI MASALAH PENAGIHAN DADAH DI TASIK GELUGOR  
MELALUI AKHBAR HARIAN METRO BERTARIKH 6 JUN 2016 DI RUANGAN IM LAPOR  
(M/S34)**

Dengan segala hormatnya aduan yang dikemukakan oleh **MAT1998** melalui akhbar Harian Metro bertarikh 6 Jun 2016 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan maklumbalas daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berkenaan aduan tersebut:

*"Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan MAT1998 dalam menyalurkan aduan mengenai aktiviti penagihan dadah di Permatang Janggus Penaga, Tasik Gelugor. Buat pengetahuan semua pembaca akhbar Harian Metro, kawasan tersebut sememangnya tersenarai sebagai salah satu kawasan sasaran AADK dalam kempen perang dadah habis-habisan. Justeru, AADK berharap agar pengadu dapat memberi maklumat lengkap berkenaan aktiviti penagihan tersebut melalui email ke [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my) atau menghubungi AADK Seberang Prai Utara di talian 04-5741741 atau 04-5741743. Di samping itu, sekiranya terdapat aduan berkenaan penyalahgunaan dadah di kawasan pembaca akhbar Harian Metro yang lain, aduan berkenaan juga boleh disalurkan melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my) "*

3. Kerjasama pihak tuan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut di akhbar Harian Metro amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'KHIDMAT TANPA RASUAH'**

Saya yang menurut perintah,

**(HJ. SALEHUDDIN BIN KLEWAN)**

Pegawai Perhubungan Awam  
b.p Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

sk:

- Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK
- Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK
- Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765

**MINTA** AADK Tasik Gelugor supaya membuat serbuan di Permatang Janggus Penaga kerana kami mula bimbang mengenai keselamatan kami di sini.

>> **MAT1998** [IMD99444]